

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' MANSOR BIN OTHMAN
[NIBONG TEBAL]**

TARIKH : 31.10.2016 (ISNIN)

Dato' Mansor bin Othman [Nibong Tebal] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan usaha-usaha yang dilakukan oleh Kementerian bagi menggalakkan penyertaan ramai rakyat Malaysia dalam gerakan - gerakan koperasi bagi mencapai matlamat membudayakan gerakan koperasi.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian melalui Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan Maktab Koperasi Malaysia (MKM) sentiasa berusaha ke arah membudayakan gerakan koperasi di negara ini melalui beberapa pendekatan. Program mengkoperasikan masyarakat ini bertujuan untuk memastikan prinsip dan falsafah koperasi diamalkan serta menggalakkan rakyat yang mempunyai keperluan bersama menyertai koperasi. Pembudayaan gerakan koperasi di negara ini dilaksanakan melalui pelbagai aktiviti pengembangan seperti berikut:

- i. Program kesedaran yang dilaksanakan melalui:
 - Seminar, taklimat dan bengkel;
 - Perhimpunan dan majlis-majlis rasmi di peringkat Negeri, Parlimen dan Dewan Undangan Negeri;
 - Kempen dan ‘Roadshow’ di peringkat Zon (6 Zon – Utara, Selatan, Timur, Tengah, Sabah Dan Sarawak); dan
 - Pertandingan dan keceriaan yang berunsurkan semangat berkoperasi.

- ii. Program promosi melalui:
 - Ekspo, pameran dan jualan;
 - *Co-op on Wheels*; dan
 - Penerbitan, publisiti dan pengiklanan di media cetak dan elektronik.

Kumpulan sasar kepada program-program berkenaan ialah:

- i. Orang awam;

- ii. Pemimpin masyarakat;
- iii. Pelajar sekolah dan Institusi Pendidikan Tinggi;
- iv. Kakitangan di pejabat Kerajaan, swasta dan kilang;
- v. Anggota dan pekerja koperasi;
- vi. Anggota Lembaga Koperasi; dan
- vii. Jawatankuasa Audit Dalaman Koperasi.

Antara program yang telah dilaksanakan adalah Hari Koperasi Negara, Program 1 Komuniti 1 Koperasi, Seminar Kesedaran Berkoperasi, Pembudayaan Keusahawanan Koperasi Sekolah, Taklimat Dasar Koperasi Negara Bersama Pemimpin-Pemimpin Koperasi dan Masyarakat serta Majlis-majlis Perjumpaan Pemimpin Bersama Komuniti. Program juga diatur dengan memasukkan ciri-ciri kebertanggungjawaban koperasi terhadap tuntutan sosial yang mengambil kira kebijakan dan penjagaan alam sekitar.

Program-program juga diatur oleh MKM yang merupakan institusi latihan koperasi yang bertanggungjawab membangunkan modal insan gerakan koperasi melalui pendidikan dan latihan dengan penerapan nilai-nilai dan prinsip koperasi. MKM menjalankan kursus jangka pendek dan jangka panjang sehingga ke peringkat diploma dan ijazah.

SOALAN NO.: 11

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SRI WEE JECK SENG [TANJONG PIAI]

TARIKH : 31 OKTOBER 2016

SOALAN :

Dato' Sri Wee Jeck Seng [Tanjong Piai] minta MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI menyatakan apakah bantuan yang akan dipertingkatkan untuk membantu golongan petani komoditi negara yang semakin terhimpit dengan keadaan komoditi antarabangsa yang tidak menentu dan harga juga mengalami kejatuhan.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan amat prihatin terhadap kebajikan para pekebun kecil komoditi susulan harga yang tidak stabil. Dalam hal ini, harga minyak sawit, koko dan lada berada di paras yang menguntungkan kecuali harga getah asli.

Dalam kes tanaman getah, ianya adalah dipelopori oleh para pekebun kecil di mana hampir 95% merupakan pekebun kecil getah. Salah satu bantuan yang dipertingkatkan oleh Kerajaan ialah **Insentif Pengeluaran Getah (IPG)** bagi menggalakkan pekebun dan penoreh getah mengeluarkan hasil walaupun pada musim harga getah rendah.

Di bawah IPG, Paras Harga Pengaktifan (PHP) getah telah ditetapkan. PHP bagi getah gred SMR20 *Free on Board* (FOB) ialah RM5.50 sekilogram dan *cuplump* ialah RM2.20 sekilogram. Apabila harga purata bulanan getah jatuh di bawah PHP, Kerajaan akan menampung kekurangan tersebut supaya pekebun dan penoreh tetap menikmati harga PHP. Dengan pembayaran IPG ini, pekebun kecil yang memiliki 2 hektar kebun getah dan mampu menghasilkan *cuplump* sebanyak 3,000 kilogram sehektar setahun boleh menikmati pendapatan bulanan sebanyak RM1,100. Sehingga September 2016, bilangan permohonan tuntutan IPG di seluruh negara ialah sebanyak 349,248 yang melibatkan pembayaran sebanyak RM50.98 juta.

Pada masa yang sama, Kerajaan juga melaksanakan **mekanisme**

penetapan harga di ladang yang bertujuan untuk mengurangkan peranan orang tengah dalam urus niaga getah. Bagi maksud ini, Kerajaan menyediakan peruntukan sebanyak RM6.4 juta sebagai modal pusingan kepada koperasi pekebun kecil untuk melaksanakan urus niaga jual beli getah. Setakat ini, sebanyak 18 buah koperasi sedang terlibat dan mampu menawarkan harga pada puratanya RM0.10 sehingga RM0.20 sekilogram lebih tinggi berbanding pembeli getah berlesen.

Selain itu, Kerajaan juga telah menyediakan Bantuan Khas Kejatuhan Harga Getah (BKKHG) sejak tahun 2013. Pada tahun 2016, Kerajaan juga telah menyediakan BKKHG sebanyak RM500 secara One-Off bagi meringankan beban pekebun kecil dan penoreh getah di seluruh negara. Sehingga 10 Oktober 2016, Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) telah meluluskan pembayaran kepada 269,962 orang pemohon bernilai RM135 juta.

Tuan Yang Di-Pertua,

Tahun-tahun mendatang ini dilihat sebagai tempoh yang mencabar kepada sektor komoditi dengan ketidakstabilan ekonomi dunia terutamanya di negara pengimport produk-produk komoditi utama seperti China dan Kesatuan Eropah. Ia sudah tentu akan memberi kesan kepada harga komoditi. Namun demikian, Kementerian akan terus memberi tumpuan dan melaksanakan program-program ke arah meningkatkan pendapatan para pekebun kecil.

Sekian, terima kasih.